



KENDERAAN terkandas di laluan dari Subang Airport menghala ke Federal Highway.

LALUAN TENGGELOM

Ratusan kenderaan tersangkut

Khidmat komuter tergendala

Oleh Syafiq Aznan, Ekhwani
Haque Fazlul Haque, Ayusliza
Azizan dan Khairul Azran Hussin
hemtroshahalam@hmetro.com.my

Shah Alam

Seperti dijangka, hujan lebat lebih dua jam menyebabkan beberapa kawasan di bandar raya ini ditenggelami air menyebabkan perjalanan ratusan kenderaan terhalang.

Hujan bermula jam 1 tengah hari itu menyebabkan kawasan Seksyen 13, Seksyen 9, Seksyen 20, Seksyen U8, Bukit Jelutong dan Batu Tiga dilanda banjir kilat.

Turut terjejas operasi Stesen Komuter Batu Tiga apabila tren komuter tidak dapat melalui kawasan berkenaan berikutan kereta api dinaiki air.

Jurucakap Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ketika dihubungi mengesahkan landasan di stesen berkenaan dinaiki air menyebabkan tren komuter tidak dapat melalui kawasan berkenaan

sehingga air surut.

"Hanya landasan di Stesen Batu Tiga, di sini, dinaiki air manakala stesen lain beroperasi seperti biasa kerana kami belum menerima sebarang aduan air naik di kawasan berkenaan," katanya.

Selain itu, laluan keluar dan masuk di Plaza Tol Shah Alam juga mengalami kesesakan berikutan beberapa lorong ditutup kerana dinaiki air.

Tinjauan Harian Metro mendapati, banjir kilat di beberapa kawasan menyebabkan keadaan trafik untuk keluar dan masuk ke bandar raya ini mengalami kesesakan, namun masih terkawal.

Sementara itu, pekerja swasta yang mahu dikenali Hakim, 25, berkata, banjir kilat di bandar raya itu dijangka setiap kali tiba musim tengkujuh.

Katanya, ia sedikit sebanyak menjejaskan aktiviti harian dan apa yang lebih membimbangkan, keadaan itu menyebabkan orang ramai terpaksa menanggung kerugian berikutan kerosakan kende-

raan yang meredah banjir.

"Apabila hujan lebat lebih dua jam, saya menjangkakan kawasan di bandar ini akan dinaiki air kerana kapasiti air hujan tidak dapat ditampung longkang sedia ada.

"Tidak sama dengan statusnya sebagai bandar raya, saya berharap masalah ini dapat diselesaikan segera kerana ia menyusahkan banyak pihak, terutama penduduk dan mereka yang bekerja di sini," katanya.

Sementara itu, hujan lebat sejak tengah hari semalam mengakibatkan banjir kilat di beberapa lokasi di sekitar Subang Jaya sehingga mengakibatkan kesesakan jalan raya.

Antara lokasi terjejas di Seksyen 16, Subang Jaya berhadapan Carrefour dan jalan menuju ke Lapangan Terbang Subang berhampiran Citta Mall.

Banjir kilat itu turut menenggelamkan laluan motosikal setinggi hampir 0.5 meter dan mengakibatkan penunggang terkandas selain beberapa motosikal rosak.



LANDASAN komuter di Stesen Batu Tiga ditenggelami air.



KENDERAAN yang tenggelam di tempat letak kereta Seksyen 13, Shah Alam.